

AKTIVITI 5

Baca petikan di bawah dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai. Kemudian, jawab soalan yang berikut dengan ayat yang lengkap.



Aiman berusia 13 tahun. Dia merupakan anak sulung daripada tiga orang adik-beradik. Aiman seorang anak yang berdikari dan bertanggungjawab. Dia sering membantu ibunya di dapur untuk menyediakan makanan. Dia melakukan segala tugas tersebut kerana dia sedar akan tanggungjawabnya sebagai seorang anak.

Pada hujung minggu, Aiman mengisi masa lapangnya dengan melakukan aktiviti berbasikal serta bermain bola bersama-sama dengan rakan supaya dia dapat mengekalkan kesihatan tubuh badannya. Aiman bersyukur kerana mempunyai rakan-rakan dan keluarga yang penyayang.

1. Nyatakan sifat-sifat Aiman.

(2 markah)

2. Apakah tugas yang sering dilakukan oleh Aiman semasa di dapur?

(2 markah)

3. Mengapakah Aiman melakukan tugas tersebut?

(2 markah)

4. Bagaimanakah Aiman mengisi masa lapangnya pada hujung minggu?

(2 markah)

5. Mengapakah Aiman melakukan aktiviti berbasikal serta bermain bola?

(2 markah)

